



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PESTA BUKU ASEAN DAN FESTIVAL KALIGRAFI PERPADUAN 2026 PERKUKUH BUDAYA MEMBACA DAN LITERASI ILMU

GEORGETOWN, 6 Julai 2026 – Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang telah menganjurkan **Pesta Buku ASEAN dan Festival Kaligrafi Perpaduan 2026**. Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Penganjuran Pesta Buku ASEAN dan Festival Kaligrafi Perpaduan 2026 ini merupakan **satu inisiatif berimpak tinggi yang bukan sahaja meraikan budaya membaca dan industri perbukuan malah turut mengangkat seni tulisan sebagai warisan ketamadunan, lambang identiti dan medium penyatuan masyarakat.**

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dalam ucapan aluannya menegaskan bahawa **penganjuran pesta buku pada hari ini amat bertepatan sebagai satu platform memperluaskan akses masyarakat kepada bahan bacaan berkualiti, menyemarakkan budaya ilmu, menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat, serta merancakkan industri buku tempatan.**

Pada masa yang sama, Kementerian Perpaduan Negara turut meraikan Festival Kaligrafi Perpaduan yang membawa makna besar dalam konteks keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia. **Festival ini membuka ruang kepada masyarakat untuk mengenali dan menghayati keindahan seni tulisan daripada kepelbagaian budaya yang wujud di Malaysia di samping menjadi wahana yang menyemarakkan persefahaman, toleransi**

dan rasa saling menghormati antara masyarakat berbilang bangsa, bahasa dan agama sekaligus memperkukuh asas perpaduan nasional.

Selain itu, pelbagai pengisian aktiviti menarik turut disediakan kepada pengunjung seperti **bicara buku, pelancaran buku baru, sembang seni digital, pameran seni kaligrafi, pertandingan kaligrafi dan khat perpaduan, persembahan kebudayaan, pesona kraftangan, ASEAN Kid's Fashion Competition, Pertandingan Muzik, kuiz interaktif, jualan buku dengan diskaun potongan harga sehingga 70 peratus, Jualan Rahmah dan cabutan bertuah** sepanjang empat hari program dijalankan bermula 3 hingga 6 Julai 2026 di Penang Waterfront Convention Centre (PWCC), Georgetown, Pulau Pinang.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

6 Julai 2026

KPN.100-9/1/16 (**61**)

